

01 MAR 1999

CLINTON-MAHATHIR

CLINTON SOKONG MAHATHIR TERHADAP REFORMASI MATAWANG

Oleh: Yong Soo Heong

KUALA LUMPUR, 1 Mac (Bernama) -- Apabila Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bercakap mengenai perlunya reformasi kewangan antarabangsa kira-kira dua tahun lalu ketika spekulator-spekulator matawang memporak perandakan pasaran-pasaran matawang, idenya itu ditolak.

Beliau dilabel sebagai tidak faham mengenai mekanik pasaran matawang yang rumit itu.

Tetapi kebelakangan ini, pandangan Dr Mahathir telah diterima dan yang terbaru datang daripada tidak asing lagi Presiden AS Bill Clinton.

Di dalam ucapan dasar luar negeri yang disampaikan di San Francisco hujung minggu ini, Clinton berkata perlunya reformasi kewangan adalah begitu penting sekali apabila jumlah modal asing yang besar mengalir ke dalam pasaran-pasaran sedang muncul dan mengalir keluar semula begitu cepat, memuflikkan keseluruhan ekonomi dan memiskinkan semula berjuta-juta rakyat yang baru saja menjadi sebahagian kelas menengah sedang muncul.

Kalimah-kalimah itu menggemakan dengan tepat apa yang diulangi berkali-kali oleh Dr Mahathir sejak krisis matawang menyelubungi Asia Timur pada akhir 1997.

Clinton juga telah berkata bahawa kemakmuran AS tidak mampan kepada krisis kewangan global dan sistem kewangan antarabangsa mestilah diperbaharui.

Berlatarkan ini, presiden AS itu mendedahkan bahawa lebih banyak akan dilakukan dalam sidang kemuncak akan datang negara-negara Kumpulan Tujuh (G-7) di Bonn.

Inilah apa yang berada di dalam benak Dr Mahathir apabila beliau bercakap mengenai pembaharuan kewangan -- untuk menggerakkan kuasa-kuasa besar bertindak mengujudkan sistem perdagangan kewangan yang lebih saksama yang telus.

Sementara masih terdapat sebilangan agak besar pengulas-pengulas yang masih mempertahankan bahawa tidak perlu berbuat sesuatu, terdapat suara-suara sederap yang bertambah menyeru supaya diadakan reformasi kewangan.

Sebagai contoh, George Soros, pedagang matawang paling terkenal hari ini di dalam buku barunya, "The Crisis of Global Capitalisation", katanya telah terdapat kelemahan asas tertentu di dalam sistem kewangan global.

"Kecuali kita menanganinya, sistem itu pasti hancur dan kita akan menanggung akibatnya," kata.

Malahan Canselor Jerman Gerhard Schroeder muncul bercakap menentang spekulator yang katanya telah memporak perandakan pasaran-pasaran saham dan juga keseluruhan ekonomi (negara-negara).

Ketua negara baru Jerman itu, yang mendapat kuasa akhir tahun lalu, berkata kuasa-kuasa spekulator telah mengasak seluruh ekonomi ke pinggir kemusnahan dan mengkiatkan ketidak stabilan yang berbahaya di seluruh dunia.

Sambil berkata bahawa malahan Soros telah mengakui bahawa patut ada peraturan, Schroeder berkata maka sudah tiba masanya dunia bersungguh-sungguh menubuhkan satu kerangka kewangan yang baru.

Dr Mahathir juga mendapat sokongan daripada Jean Chretien, Perdana Menteri Kanada, yang juga mengutuk keras spekulator matawang.

Menyatakan bahawa dunia Barat begitu membela dasar kapitalis, beliau menambah, "Kepada saya, dasar kapitalis tidak dapat memberikan semua jawapan."

Apabila sesebuah pasaran runtuh, yang akan rugi ialah rakyat biasa, katanya.

"Kia tidak boleh melihat kemakmuran lenyap sekelip mata kerana spekulator matawang di New York mengambil keputusan ini bukan matawang yang baik," kata Chretien.

Menteri kanan Singapura Lee Kuan Yew juga berkata baru-baru ini bahawa jika AS, Jepun dan Kesatuan Eropah boleh bersetuju terhadap satu kerangka baru kewangan, langkah itu akan mengurangkan turun-naik yang besar dalam kadar tukaran wang tiga matawang utama dan negara-negara sedang membangun.

Dr Mahathir telah berkata bahawa dunia tidak perlukan spekulator yang berkelakuan merosakkan itu.

Jika dunia sebenarnya percaya terhadap keamanan, demokrasi dan keadilan untuk semua, dagangan matawang harus dimusnahkan atau dibendung, katanya.

"Ketika itu sahaja kita akan melihat pemulihan ekonomi dunia dan pengagihan kekayaan yang saksama," kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA

SHY FR OS